



## **JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

### **SIARAN MEDIA**

#### **KARNIVAL MINI SANTUNI MADANI SEMPENA 100 TAHUN PENUBUHAN SEKOLAH KEBANGSAAN PEDAH, JERANTUT FERI, PAHANG**

**JERANTUT, 2 NOVEMBER 2024** – Santuni MADANI inisiatif dalam meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung dapat mengenal pasti masalah sosio ekonomi dan keperluan penduduk di kampung melalui program “Satu Pemimpin Satu Kampung”. Memperkaya sikap cakna pemimpin yang sentiasa menyantuni dan menjadi contoh teladan kepada generasi-generasi muda dalam menanamkan rasa bangga dan sayang kepada kampung halaman.

Karnival Mini Santuni Madani diadakan di Sekolah Kebangsaan Pedah yang telah 100 tahun penubuhannya merupakan titik permulaan pusat pengembangan dan institusi ilmu di sini yang telah melahirkan pemimpin berkualiti serta menjadi kebanggaan penduduk Kampung Jerantut Feri. Pelbagai perkhidmatan kerajaan secara terus dapat disampaikan kepada komuniti Kampung Jerantut Feri melalui kolaborasi strategik Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Regimen 505 Askar Wataniah, Pejabat Tanah dan Daerah Jerantut, Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ini memberi peluang kepada penduduk mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensinya kerajaan termasuk pengambilan rekrut baharu askar wataniah dalam kalangan penduduk Kampung Jerantut Feri. Selain itu, penduduk dari golongan B40 yang miskin dan miskin tegar terutamanya bagi mereka yang tercicir juga dapat membuat pengemaskinian dalam sistem ekasih secara terus.

Program Santuni MADANI di Kampung Jerantut Feri ini juga telah melibatkan 200 warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya yang turun padang sebagai sukarelawan pada 12 Oktober lepas bagi aktiviti CSR pengindahan dan pembersihan kawasan Masjid Jerantut Feri dan Sekolah Kebangsaan Pedah. Para sukarelawan telah melaksanakan kerja-kerja mencantas dan menebang pokok-pokok lama termasuk penanaman pokok baharu jenis Penaga Lilin (Menua Ferreal) di sekitar Sekolah Kebangsaan Pedah dan mengecat pagar Masjid Jerantut Feri serta pemasangan *signage* sebagai mercu tanda Kampung Jerantut Feri.

Hasil pelaksanaan program sebegini membolehkan komuniti terlibat dalam kegiatan sosial serta meningkatkan rasa kebersamaan. Program Santuni Madani ini juga memberi motivasi kepada komuniti Jerantut Feri khususnya untuk lebih berdikari dan berinovasi dalam meningkatkan kesejahteraan hidup. Dengan suasana yang indah dan bersih memberi keselesaan kepada penduduk Kampung Jerantut Feri melakukan aktiviti riadah petang. Malah para pelajar dapat menimba ilmu dengan baik dan selamat.

**Disediakan oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
2 November 2024**